



**PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)  
TAHUN 2017**

oleh

**YBHG. PROF. DATO' SERI DR. MOHAMED MUSTAFA BIN ISHAK  
PENGERUSI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)**

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia, dan  
Salam Sehati Sejiwa

1. Sukacita saya memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan STPM 2017 akan dikeluarkan pada hari ini, **Selasa, 6 Mac 2018**. Calon sekolah kerajaan dan sekolah swasta boleh mendapatkan slip keputusan di sekolah masing-masing pada jam **12:00 tengah hari ini**, manakala calon persendirian akan mendapat slip keputusan mereka melalui pos. Di samping itu, semua calon boleh mendapatkan keputusan peperiksaan melalui portal MPM [[www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my)] dan juga melalui SMS (sistem mesej singkat) di talian 15888.
2. Calon STPM 2017 merupakan **kohort kelima dalam sistem pentaksiran baharu STPM** (Modular) yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) sejak diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 4 Januari 2012 bagi menggantikan peperiksaan STPM Terminal yang telah dikendalikan sejak tahun 1982.

3. Peperiksaan bertulis dijalankan pada tiga penggal, iaitu Penggal 1, Penggal 2, dan Penggal 3 dalam **tempoh pengajian selama satu setengah tahun**. Calon dibenarkan untuk **memperbaiki keputusan** peperiksaan **bertulis Penggal 1 dan Penggal 2** dengan mengambil peperiksaan **ulangan bertulis** bagi penggal tersebut pada bulan November.
4. Dalam sistem pentaksiran STPM terdapat juga **Kerja Kursus** dalam bentuk **Kertas Projek, Kerja Lapangan, dan Amali Sains** yang perlu dijalani oleh calon (bergantung kepada penawaran dalam mata pelajaran masing-masing) dan dinilai oleh guru sekolah dengan wajaran 20 peratus hingga 40 peratus. Jumlah mata pelajaran yang ditawarkan untuk STPM 2017 adalah sebanyak 22 mata pelajaran dengan **19 mata pelajaran** menawarkan Kerja Kursus.
5. Peperiksaan bertulis Penggal 1 STPM 2017 telah dijalankan pada 15, 16, 17, dan 21 November 2016, Penggal 2 pada 22, 23, 24, dan 26 Mei 2017, dan Penggal 3 pada 6, 7, 8, 9, dan 14 November 2017. Peperiksaan Ulangan Penggal 1 pula telah diadakan pada 15, 16, 20, dan 21 November 2017 dan Ulangan Penggal 2 pada 22, 23, 27, dan 28 November 2017 yang lalu.

### **Bilangan Calon**

6. Bilangan calon yang **mendaftar** untuk menduduki peperiksaan STPM 2017 telah mengalami sedikit penurunan sebanyak 5.52 peratus (2,600 calon) berbanding STPM 2016. Daripada jumlah calon yang mendaftar ini, **43,042 calon** (96.68 peratus) telah **hadir**.

7. Daripada jumlah yang hadir ini, **42,694 calon** (99.19 peratus) daripadanya adalah **calon sekolah kerajaan** manakala baki yang lain adalah terdiri daripada calon sekolah swasta sebanyak 204 calon (0.47 peratus), calon persendirian individu sebanyak 136 calon (0.32 peratus), dan calon Sekolah Kerajaan Negeri sebanyak 8 calon (0.02 peratus).

### **Bilangan Calon Mengikut Jantina, Aliran, dan Kaum**

8. Bilangan calon **perempuan** yang menduduki peperiksaan STPM 2017 masih mengatasi bilangan calon lelaki dengan nisbah **2:1**. Sebanyak 29,723 calon (69.06 peratus) yang hadir adalah calon perempuan manakala baki 13,319 (30.94 peratus) adalah calon lelaki.
9. Dari segi aliran pula, bilangan **calon aliran Sains Sosial** adalah sebanyak 37,471 calon (87.06 peratus) manakala 5,571 calon (12.94 peratus) adalah **calon aliran Sains**.
10. Daripada 43,042 calon yang hadir, kaum Bumiputera sebanyak 30,769 calon (**71.49 peratus**), kaum Cina sebanyak **8,155 (18.94 peratus)**, kaum India sebanyak **2,255 (5.24 peratus)**, dan lain-lain kaum sebanyak **1,863 (4.33 peratus)**.
11. Dalam peperiksaan STPM 2017, **3,542 calon (7.96 peratus)** telah mendaftar untuk **lima** mata pelajaran dan **40,940 calon (91.95 peratus)** telah mendaftar untuk **empat** mata pelajaran. Bagi calon yang mendaftar lima mata pelajaran, sebanyak **3,365 (95.00 peratus)** telah hadir. Manakala bagi calon yang telah mendaftar empat mata pelajaran, **39,659 (96.87 peratus)** telah

hadir. Hal ini menjadikan daripada 43,042 calon yang hadir dalam STPM 2017, **7.82 peratus** mengambil lima mata pelajaran dan **92.14** peratus mengambil empat mata pelajaran.

12. Mata pelajaran **Pengajian Am** adalah mata pelajaran yang mempunyai bilangan calon **terdaftar** yang **tertinggi**, iaitu sebanyak **44,502 calon** (berbanding **44,522** calon STPM 2017 yang **mendaftar**. Ini kerana terdapat 20 calon yang tidak mendaftar Pengajian Am), diikuti **sembilan** mata pelajaran lain yang mempunyai bilangan calon **terdaftar** yang banyak yang **melebihi 5,000 orang**, iaitu mata pelajaran

- (a) **Bahasa Melayu (28,323 calon),**
- (b) **Sejarah (22,923 calon),**
- (c) **Pengajian Perniagaan (17,143 calon),**
- (d) **Ekonomi (14,553 calon),**
- (e) **Geografi (12,052 calon),**
- (f) **Seni Visual (7,109 calon),**
- (g) **Mathematics T (5,649 calon),**
- (h) **Chemistry (5,511 calon), dan**
- (i) **Kesusasteraan Melayu Komunikatif (5,398 calon).**

13. Mata pelajaran lain yang mempunyai bilangan **terdaftar** yang **kurang daripada 5,000 calon** (12 mata pelajaran) pula adalah mata pelajaran

- (a) **Biology (3,129 calon),**
- (b) **Sains Sukan (2,746 calon),**
- (c) **Physics (2,594 calon),**

- (d) **Perakaunan (2,443 calon),**
- (e) **Syariah (2,306 calon),**
- (f) **Bahasa Arab (1,765 calon),**
- (g) **Usuluddin (1,125 calon),**
- (h) **Mathematics M (903 calon),**
- (i) **Information and Communications Technology (605 calon),**
- (j) **Bahasa Tamil (416 calon),**
- (k) **Bahasa Cina (277 calon), dan**
- (l) **Literature in English (71 calon),**

## **PENETAPAN STANDARD**

14. Penetapan standard STPM 2017 dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2017 dengan dinasihati dan diselia oleh **Cambridge Assessment International Education, United Kingdom**. Nasihat dan penyeliaan secara berterusan dari Cambridge Assessment International Education, UK adalah bertujuan mengekalkan standard yang telah dilaksanakan semenjak STPM 1982 dan STPM diterima di peringkat antarabangsa (global). **Pengiktirafan** dari Cambridge Assessment International Education, UK ini terzahir **di belakang Sijil STPM**. Wakil dari Cambridge Assessment International Education, UK yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM 2017 ialah **Mr. Mark Dowling dan Mrs Diane Palmer, Consultant of Cambridge Assessment International Education, UK**. Berikut adalah

rumusan positif petikan laporan daripada Mr. Mark Dowling tentang mesyuarat penetapan standard tersebut:

*“The declared objective remains to maintain the standard of each STPM subject by determining ‘the lowest mark for which the performance of the current year can be deemed equivalent to that achieved by candidates at the lowest mark for the same grade the previous year. The Awarding Procedures document now also acknowledges a requirement to maintain the standard between different specifications and subjects, and states the means which will be used to do this as considering the results of benchmark schools, estimating the quality of the candidature from their previous results in SPM, **comparability studies conducted with Cambridge**, and syllabus pairs. The meetings were conducted in the familiar efficient way, using the excellent Excel spreadsheets which enabled us to see readily the effect of alternative thresholds for individual modules. Files of evidence followed a standard template of information which is very clear. It helped that last year’s innovation was continued.” - Mr. Mark Dowling, Consultant of Cambridge Assessment International Education, UK*

## **PENCAPAIAN KESELURUHAN CALON**

15. Sukacita saya, sebagai Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia memaklumkan bahawa secara keseluruhannya pencapaian **PNGK Nasional** dalam peperiksaan STPM 2017 telah terus **MENINGKAT** sejak sistem modular STPM diperkenalkan pada tahun 2013 dengan mencatat **PNGK 2.76** dalam peperiksaan STPM 2017 berbanding dengan PNGK 2.71 pada tahun 2016. Ini telah menunjukkan peningkatan PNGK Nasional yang **memberangsangkan** dalam kesemua kriteria pengukuran pencapaian tersebut jika dibandingkan dengan peperiksaan STPM 2016. Peningkatan peperiksaan STPM 2017 berbanding dengan STPM tahun-tahun sebelum terzahir pada
- (a) Peningkatan Purata Nilai Gred Keseluruhan Nasional (**PNGK**),
  - (b) peningkatan pada **PNGK 3.50 ke atas**,
  - (c) peningkatan pada **PNGK 3.00 ke atas**,
  - (d) peningkatan pada **PNGK 2.75 ke atas**,
  - (e) peningkatan pada **PNGK 2.50 ke atas**
  - (f) peningkatan pada **PNGK 2.00 ke atas**,
  - (g) peningkatan peratus **lulus penuh pada lima dan empat mata pelajaran, dan**
  - (h) peratus yang lulus penuh dalam **sekurang-kurangnya 1 mata pelajaran dengan gred C ke atas**
16. PNGK calon **sekolah kerajaan** juga meningkat, sama dengan **PNGK Nasional, iaitu 2.76**, berbanding tahun 2016 hanya 2.71.

17. Bilangan dan peratusan calon yang mendapat **PNGK 3.50 ke atas**, juga telah mencatat **PERTAMBAHAN** bilangan calon, iaitu bertambah kepada **6,408 calon** (14.89 peratus) pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 sebanyak **6,137 calon** (14.20 peratus).
18. Bilangan dan peratusan calon yang mendapat **PNGK 3.00 ke atas**, juga telah mencatat **PERTAMBAHAN** bilangan calon, iaitu bertambah kepada **17,423 calon** (40.48 peratus) pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 sebanyak 16,263 calon (37.62 peratus).
19. Begitu juga halnya dengan bilangan calon yang mendapat **PNGK 2.75 ke atas** dan **2.50 ke atas**, juga telah mencatatkan **PENINGKATAN**, iaitu masing-masing daripada 22,407 calon (51.83 peratus) dan 28,443 calon (65.79 peratus) dalam peperiksaan STPM 2016 kepada **23,752 calon** (55.19 peratus) dan **29,718 calon** (69.05 peratus) daripada bilangan calon yang hadir dalam peperiksaan STPM 2017.
20. Bilangan calon yang mendapat PNGK 2.00 ke atas secara keseluruhannya telah **MENINGKAT** daripada 37,403 calon atau (86.51 peratus) dalam STPM 2016 kepada **37,986 calon** (88.26 peratus) pada STPM 2017.
21. Walau bagaimanapun, peratusan calon yang mendapat PNGK 4.00 telah mencatatkan **sedikit penurunan** berbanding tahun lepas, iaitu perbezaan menurun hanya sebanyak 0.18 peratus berbanding peperiksaan STPM 2016. Peratus bilangan calon yang mendapat PNGK 4.00 telah **menurun sedikit**, iaitu daripada **1.31 peratus** atau 565 calon kepada **1.13 peratus** atau 485 calon pada peperiksaan STPM 2017.



22. Saya menjangkakan **bilangan peluang lepasan STPM 2017** untuk diterima masuk ke **Universiti Awam (UA)** adalah **LEBIH BESAR** kerana peningkatan peratusan dan bilangan calon yang mendapat PNGK 2.75 ke atas adalah **tinggi**, iaitu 55.19 peratus berbanding pada tahun 2016 hanya 51.83 peratus .

### **PNGK Pencapaian Calon Mengikut Aliran dan Jantina**

23. Pada STPM 2017, PNGK Nasional calon aliran **Sains Sosial** adalah **2.78** mengatasi PNGK calon aliran Sains, iaitu **2.69**.
24. Dari segi analisis pencapaian calon mengikut **aliran** yang mendapat PNGK 4.00 pula, daripada 485 calon yang mendapat PNGK 4.00, **375** calon adalah daripada aliran **Sains Sosial** manakala **110** lagi adalah daripada aliran **Sains**.
25. Dari segi pencapaian PNGK mengikut **jantina** pula, pencapaian calon **perempuan seperti biasa telah mendahului calon lelaki**, calon **perempuan** telah mendapat PNGK **2.80** berbanding calon **lelaki** yang mendapat PNGK **2.69**. Walau bagaimanapun, dari segi peningkatan pencapaian PNGK, kedua-dua jantina telah menunjukkan peningkatan dalam PNGK berbanding tahun lepas.

### **PNGK Calon Mengikut Lokasi Bandar Dan Luar Bandar**

26. Daripada 43,042 calon yang menduduki peperiksaan STPM 2017, sebanyak **25,923** calon (60.23 peratus) dikategorikan sebagai **calon bandar** dan **17,119** calon (39.77 peratus) dikategorikan sebagai **calon luar bandar**.

27. Dalam STPM 2017, pencapaian PNGK calon **bandar** adalah **2.78** manakala PNGK calon **luar bandar** adalah **2.75**. Walau bagaimanapun, **perbezaan jurang** pencapaian antara calon bandar dengan calon luar bandar dalam peperiksaan STPM 2017 berbanding STPM 2016 didapati semakin **MERAPAT**, iaitu daripada 0.09 mata pada STPM 2016 kepada **0.03 mata** pada STPM 2017.
28. PNGK calon luar bandar telah **MENINGKAT** sebanyak **0.09** mata daripada peperiksaan tahun sebelum, iaitu daripada 2.66 kepada **2.75** berbanding berbanding PNGK calon bandar yang hanya meningkat sebanyak 0.03 mata, iaitu daripada 2.75 kepada 2.78. Luar bandar telah mengalami peningkatan sebanyak **dua kali ganda** berbanding calon bandar.

#### **PENINGKATAN CALON YANG MENDAPAT 5A DAN 4A**

29. Dalam peperiksaan STPM 2017, bilangan dan peratus calon yang mendapat 5A dan 4A daripada jumlah keseluruhan calon yang hadir dalam peperiksaan STPM 2017 didapati telah **menurun sedikit** berbanding dengan peperiksaan STPM 2016, iaitu daripada 575 calon (1.33 peratus) kepada **521 calon** (1.21 peratus) dalam peperiksaan STPM 2017. Walau bagaimanapun, bilangan calon yang mendapat 5A dan 4A pada tahun 2017 ini melebihi bilangan calon yang mendapat **5A dan 4A dalam peperiksaan STPM 2015** (339 calon), iaitu dengan bilangan calon **melebihi 182 calon**.

30. Dalam peperiksaan STPM 2017, **19 calon** telah mendapat **5A** dalam kelima-lima mata pelajaran yang diambil berbanding 11 calon dalam STPM 2016. Begitu juga bilangan calon yang mengambil lima mata pelajaran tetapi mendapat **4A** juga didapati bertambah daripada 47 calon kepada **68 calon** dalam peperiksaan STPM 2017 berbanding dalam peperiksaan STPM 2016.

### **PENCAPAIAN CALON MENGIKUT KELULUSAN LULUS PENUH (PERINGKAT PRINSIPAL)**

31. Dalam peperiksaan STPM, lulus penuh adalah daripada **gred C ke atas**, lulus sebahagian adalah antara gred C— ke gred D, dan gagal adalah pada gred F.
32. Untuk mengukur pencapaian keseluruhan calon STPM berdasarkan kelulusan lulus penuh dalam mata pelajaran, lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran telah diambil kira. Seperti yang telah dimaklumkan, Bahagian Kemasukan Pelajar (BKP), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi telah menetapkan syarat bahawa dalam suatu peperiksaan STPM, **lulus penuh dalam empat mata pelajaran terbaik sahaja termasuk mata pelajaran Pengajian Am** akan dipertimbangkan untuk memasuki Universiti Awam.
33. Dalam peperiksaan STPM 2017, didapati peratusan calon yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran telah meningkat kepada **72.02 peratus** berbanding dengan pencapaian lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran tahun sebelum, iaitu 71.88 peratus.

34. Lulus penuh dalam **empat** mata pelajaran telah mendapat peratusan tertinggi dalam peperiksaan STPM 2017, iaitu sebanyak **67.56 peratus** atau 29,081 calon.
35. Calon **sekolah kerajaan** telah mencatatkan bilangan dan **peratusan tertinggi** yang mendapat lulus penuh pada lima dan empat mata pelajaran berbanding dengan calon sekolah swasta, calon persendirian individu, dan calon sekolah kerajaan negeri dengan masing-masing sebanyak **30,846 calon** (71.66 peratus), **142 calon** (0.33 peratus), **10 calon** (0.02 peratus), dan **4 calon** (0.01 peratus).
36. Peningkatan peratusan lulus penuh dalam **lima dan empat mata pelajaran** juga memberikan gambaran bahawa pencapaian calon tingkatan enam di sekolah-sekolah kerajaan kini telah **semakin baik**, dipercayai hasil pelaksanaan inisiatif Pemerkasaan Tingkatan Enam yang giat diusahakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **PRESTASI MATA PELAJARAN**

37. Secara keseluruhannya, **kesemua 22 mata pelajaran** yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2017 telah mencatatkan peratusan **lulus penuh melebihi 70 peratus**, iaitu gred C dan ke atas.
38. Dalam peperiksaan STPM 2017, **empat mata pelajaran** telah menunjukkan peningkatan dalam prestasi lulus penuh berbanding dengan prestasi pada tahun sebelumnya yang **melebihi 3.00**

**peratus** berbanding peperiksaan STPM 2016, iaitu mata pelajaran **Bahasa Arab, Geografi, Sejarah, dan Literature in English.**

39. **Dua mata pelajaran** telah menunjukkan **penurunan** melebihi 3.00 peratus, iaitu mata pelajaran **Pengajian Perniagaan dan Physics.** Manakala **16 mata pelajaran** lain selain daripada mata pelajaran yang disebut di atas tidak berubah prestasinya.

### **Prestasi Gred A Mata Pelajaran**

40. Dalam peperiksaan STPM 2017, **semua** mata pelajaran **mempunyai gred A.** Sebanyak **21** mata pelajaran telah mencapai peratusan bilangan calon yang **melebihi 5 peratus pada gred A** dan satu sahaja mata pelajaran yang mempunyai bilangan gred A yang kurang daripada 5 peratus, iaitu mata pelajaran Pengajian Am.

### **PRESTASI DAN ANUGERAH SEKOLAH CEMERLANG**

41. Prestasi sekolah diukur berdasarkan **Gred Purata Sekolah (GPS),** iaitu **jumlah PNGK semua calon bagi pusat dibahagikan dengan bilangan calon yang ada PNGK di pusat tersebut.** Min PNGK sekolah kerajaan pada tahun 2017 telah meningkat kepada **2.76,** berbanding 2.72 pada tahun 2016.
42. Sebagai menghargai pencapaian cemerlang sekolah yang mempunyai GPS tertinggi dengan bilangan calon yang tidak kurang daripada 40 orang, Majlis Peperiksaan Malaysia akan memberikan sijil penghargaan kepada **10 sekolah kerajaan** yang mendapat GPS terbaik dalam STPM 2017.

## **ANUGERAH PELAJAR TERBAIK**

43. Dalam peperiksaan STPM 2017, Majlis Peperiksaan Malaysia telah memilih **22 calon terbaik** dan **10 sekolah terbaik** untuk diberikan anugerah.
44. Terdapat **empat calon istimewa** terbaik akan diberikan penghargaan dan ganjaran khas sebagai menghargai usaha mereka untuk mencapai keputusan yang terbaik walaupun menghadapi pelbagai kesukaran dalam keadaan jerih-perih.
45. Bagi menyokong dasar Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap pendidikan untuk murid Orang Asli, iaitu memastikan Orang Asli diberi peluang untuk mendapatkan akses kepada pendidikan yang berkualiti dan relevan, Majlis Peperiksaan Malaysia meneruskan lagi pemberian penghargaan dan anugerah yang diperkenalkan pada tahun 2014 kepada **seorang pelajar Orang Asli**.
46. Buat pertama dan julung-julung kalinya pada STPM 2017 ini, MPM akan memberikan Anugerah Khas MPM dalam peperiksaan STPM 2017. Anugerah khas ini dianugerahkan kepada lima pelajar terbaik yang mendapat keputusan terbaik dalam peperiksaan STPM 2017 berdasarkan pendapatan isi rumah ibu bapanya RM930.00 ke bawah bagi Semenanjung Malaysia, RM1,170.00 ke bawah bagi Sabah dan Labuan, serta RM990.00 ke bawah bagi Sarawak berpandukan *Paras Garis Kemiskinan Nasional* yang dikeluarkan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri manakala maklumat pelajar diperoleh dari

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia.

47. Selain itu, sukacita saya memaklumkan bahawa pada majlis ini, seperti pada tahun-tahun yang lepas, Majlis Peperiksaan Malaysia juga telah memilih calon cemerlang yang mendapat **Band 6** (*highly proficient user*) dalam **Malaysian University English Test (MUET)** pada tahun 2017, iaitu seorang daripada setiap sesi MUET 2017 akan diberikan Anugerah Pelajar Terbaik MUET 2017.
48. Sebagai menghargai pencapaian pelajar terbaik di atas, Majlis Peperiksaan Malaysia akan memberikan ganjaran wang sebanyak **RM1,000, sijil penghargaan, dan sebuah plak** kepada setiap pelajar.

## **PENUTUP**

49. MPM akan terus meningkatkan kolaborasi dengan **Cambridge Assessment International Education, United Kingdom** bagi memastikan sijil STPM diiktiraf setaraf dengan GCE Advanced Level yang dikelolakan oleh Cambridge Assessment International Education, United Kingdom.
50. MPM juga akan memastikan peperiksaan STPM dan MUET dikelolakan mengikut standard piawaian yang ditetapkan dalam **Sijil Pendaftaran Sistem Pengurusan Kualiti ISO Antarabangsa** yang telah diperolehi oleh MPM sejak tahun 2000.
51. Di samping itu MPM akan terus memperkasakan jalinan hubungan dengan **International Association for Educational Assessment**

**(IAEA), USA,** iaitu sebuah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh badan pentaksiran pendidikan yang terkemuka di dunia dan diiktiraf di peringkat antarabangsa selaras dengan keahlian MPM sebagai ahli tetap IAEA semenjak tahun 1984.

52. Bagi memperkasakan standard MUET agar mengikut piawai antarabangsa, MPM kini sedang memurnikan Sukatan dan Spesifikasi Ujian MUET sedia ada dan sedang **mensejajarkan (aligning) MUET dengan Common European Framework of Reference (CEFR)** melalui penglibatan dan bantuan sepenuhnya (kolaborasi) dengan Cambridge English Language Assessment (CE), United Kingdom di bawah nasihat dan seliaan **Dr. Hanan Khalifa**, Head of Research and International Education, yang turut bersama-sama kita pada hari ini. Saya mengucapkan terima kasih atas kehadiran beliau.
53. Pada hari ini juga, saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa MPM dengan kerjasama MIMOS Bhd. telah melancarkan satu lagi produk baharu yang berkaitan dengan ujian psikometrik, iaitu **Prospek Kerjaya (PK)**. Melalui Prospek Kerjaya ini, individu yang berusia 15 tahun ke atas akan dapat mengenal pasti minat dan kecenderungan mereka dalam memilih bidang kerjaya yang lebih tepat dengan diri mereka sendiri. Satu keunikan yang ada pada Prospek Kerja ini ialah, ianya mencadangkan bidang pengajian yang sesuai dengan bidang kerjaya mereka serta juga mengesyorkan bidang pengajian yang terdapat di Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negara. Maklumat lanjut boleh diperolehi di *booth* yang terdapat di foyer *ballroom* dan juga di portal MPM [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my).



54. Sukacita saya memaklumkan bahawa pelajar terbaik dan sekolah terbaik dalam peperiksaan STPM 2017 ini akan diraikan oleh **Yang Berhormat Dato' Sri Mahdzir Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia** yang akan bersama-sama kita sebentar lagi selepas ini. Kesudian Yang Berhormat Menteri hadir meraikan mereka menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat terhadap kejayaan pelajar dalam peperiksaan STPM. Semua dijemput hadir.
55. Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan STPM 2017 dan MUET 2017, khususnya kepada pelajar dan sekolah yang terpilih untuk menerima anugerah dalam majlis ini. Tidak lupa sekalung syabas kepada ibu bapa atau penjaga dan guru kepada para pelajar terbaik ini.
56. Bagi pelajar dan sekolah yang masih belum menunjukkan kejayaan memberangsangkan diharap tidak putus asa. Cuba lagi dalam peperiksaan yang akan datang. Kepada calon yang akan menduduki STPM pada tahun ini, diharapkan kejayaan calon STPM 2017 pada hari ini dapat dijadikan semangat dan motivasi untuk mencapai keputusan yang lebih baik lagi.
57. Akhir kata, sebagai Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Eksekutif MPM, kakitangan MPM, Cambridge Assessment International Education, UK, Cambridge English Language Assessment, UK, *International Association for Educational Assessment* (IAEA) USA, Bahagian-Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi

Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua, guru, ibu bapa, calon, masyarakat, dan tidak ketinggalan juga kepada pihak media yang telah memberikan sokongan yang padu dan terus menerus kepada Majlis Peperiksaan Malaysia dalam mengangkat martabat dan memperkasakan STPM sehingga hari ini.

Sekian, terima kasih.

**PROF. DATO' SERI DR. MOHAMED MUSTAFA ISHAK**

Pengerusi

Majlis Peperiksaan Malaysia

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM)

**6 MAC 2018**

## Lampiran 1

### Perbandingan Bilangan Calon yang Mendaftar dan Bilangan Calon yang Hadir Mengikut Jenis Calon dalam Peperiksaan STPM 2016 dan STPM 2017

Jenis Calon	Calon Yang Mendaftar						Calon Yang Hadir					
	STPM 2016		STPM 2017		Beza		STPM 2016		STPM 2017		Beza	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	% Naik Turun	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	% Naik Turun
Calon sekolah kerajaan	46,537	98.76	44,035	98.91	-2,502	-5.38	42,845	99.10	42,694	99.19	-151	-0.35
Calon sekolah swasta	299	0.63	222	0.50	-77	-25.75	264	0.61	204	0.47	-60	-22.73
Calon persendirian individu	273	0.58	257	0.57	-16	-5.86	114	0.26	136	0.32	22	19.30
Calon sekolah kerajaan negeri	13	0.03	8	0.02	-5	-38.46	12	0.03	8	0.02	-4	-33.33
Calon sekolah integriti	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>47,122</b>	<b>100.00</b>	<b>44,522</b>	<b>100.00</b>	<b>-2,600</b>	<b>-5.52</b>	<b>43,235</b>	<b>100.00</b>	<b>43,042</b>	<b>100.00</b>	<b>-193</b>	<b>-0.45</b>

**Perbandingan Bilangan Calon Mengikut Jantina  
dalam Peperiksaan STPM 2017**

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Perempuan	29,723	69.06
Lelaki	13,319	30.94
<b>Jumlah hadir</b>	<b>43,042</b>	<b>100.00</b>

### Lampiran 3

#### Perbandingan Bilangan Calon Mengikut Aliran dalam Peperiksaan STPM 2017

<b>Aliran</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Sains Sosial	37,471	87.06
Sains	5,571	12.94
<b>Jumlah hadir</b>	<b>43,042</b>	<b>100.00</b>

## Lampiran 4

### Bilangan dan Peratusan Calon yang Hadir Mengikut Kaum dan Aliran STPM 2017

Kaum	Sains		Sains Sosial		Jumlah Keseluruhan	Peratusan
	Bilangan Hadir	Peratusan	Bilangan Hadir	Peratusan		
<b>Bumiputera</b> (Melayu; Sabah-Bajau, Kadazan, Murut, Bidayuh, Kadayan; Sarawak-Iban dan Melanau; dan Orang Asli)	979	17.57	29,790	79.50	30,769	71.49
<b>Cina</b>	3,884	69.72	4,271	11.40	8,155	18.94
<b>India</b>	587	10.54	1,668	4.45	2,255	5.24
<b>Lain-lain</b> (Benggali, Punjabi, Filipino, Indonesia)	121	2.17	1,742	4.65	1,863	4.33
<b>Jumlah</b>	<b>5,571</b>	<b>100.00</b>	<b>37,471</b>	<b>100.00</b>	<b>43,042</b>	<b>100.00</b>

**Bilangan dan Peratusan Calon yang Mendaftar dan Hadir Mengikut  
Lima dan Empat Mata Pelajaran STPM 2017**

Bilangan Mata Pelajaran	Calon Yang Mendaftar		Calon Yang Hadir	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
5 Mata Pelajaran	3,542	7.96	3,365	7.82
4 Mata Pelajaran	40,940	91.95	39,659	92.14
<b>Jumlah</b>	<b>44,482</b>	<b>99.91</b>	<b>43,024</b>	<b>99.96</b>
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>44,522</b>	<b>100.00</b>	<b>43,042**</b>	<b>100.00</b>

\*\*Termasuk 18 calon (43,042 – 43,024) yang mengambil kurang daripada empat mata pelajaran

## Lampiran 6

### Perbandingan Bilangan Calon STPM 2016 dengan STPM 2017 Mengikut Mata Pelajaran

Bil.	Mata Pelajaran	STPM 2016		STPM 2017	
		Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir	Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir
1	Pengajian Am (900)	47,100	43,169	44,502	42,980
2	Bahasa Melayu (910)	29,719	26,872	28,323	27,217
3	Bahasa Cina (911)	325	284	277	262
4	Bahasa Tamil (912)	479	419	416	390
5	Bahasa Arab (913)	1,620	1,547	1,765	1,743
6	Literature In English (920)	79	67	71	61
7	Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922)	6,178	5,522	5,398	5,088
8	Syariah (930)	2,069	1,960	2,306	2,271
9	Usuluddin (931)	1,069	1,012	1,125	1,108
10	Sejarah (940)	24,228	21,939	22,923	22,031
11	Geografi (942)	12,801	11,689	12,052	11,602
12	Ekonomi (944)	14,629	13,521	14,553	14,056
13	Pengajian Perniagaan (946)	17,821	16,265	17,143	16,549
14	Perakaunan (948)	2,567	2,430	2,443	2,382
15	Mathematics M (950)	1,027	960	903	879
16	Mathematics T (954)	6,513	6,133	5,649	5,480
17	Information and Communications Technology (958)	492	429	605	570
18	Physics (960)	2,796	2,649	2,594	2,527
19	Chemistry (962)	6,382	6,050	5,511	5,358
20	Biology (964)	3,782	3,552	3,129	2,963
21	Sains Sukan (966)	2,646	2,372	2,746	2,619
22	Seni Visual (970)	7,675	6,925	7,109	6,811



## Lampiran 7

### Perbandingan Pencapaian Calon Secara Keseluruhan dalam Peperiksaan STPM 2016 dan Peperiksaan STPM 2017

Bil.	Pencapaian Calon	Tahun		Beza
		2016	2017	
1	PNGK Nasional	2.71	2.76	+0.05
2	PNGK 3.50 ke atas	14.20% (6,137 calon)	14.89% (6,408 calon)	+0.69%
3	PNGK 3.00 ke atas	37.62% (16,263 calon)	40.48% (17,423 calon)	+2.86%
4	PNGK 2.75 ke atas	51.83% (22,407 calon)	55.19% (23,752 calon)	+3.36%
5	PNGK 2.50 ke atas	65.79% (28,443 calon)	69.05% (29,718 calon)	+3.26%
6	PNGK 2.00 ke atas	86.51% (37,403 calon)	88.26% (37,986 calon)	+1.75%
7	Peratus calon yang mendapat lulus penuh dalam <u>lima dan empat</u> mata pelajaran (gred C ke atas)	71.88% (31,079 calon)	72.03% (31,002 calon)	+0.15%
8	Peratus lulus penuh <u>sekurang-kurangnya</u> satu mata pelajaran (gred C ke atas)	98.41% (42,546 calon)	98.72% (42,491 calon)	+0.31%
<b>Bil. Calon Hadir</b>		43,235	43,042	-193
<b>Bil. Calon Daftar</b>		47,122	44,522	-2,600

<b>PNGK 4.00</b>	<b>1.31% (565 calon)</b>	<b>1.13% (485 calon)</b>	<b>-0.18% (80 calon)</b>
------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------

**Perbandingan Pencapaian Calon Yang Mendapat PNGK 4.00 Hingga 2.00  
Dalam Peperiksaan STPM 2016 dan STPM 2017**

Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK)	Bilangan calon		Peratusan		Bilangan calon Longgokan		Peratusan Longgokan	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017
<b>4.00</b>	<b>565</b>	<b>485</b>	<b>1.31</b>	<b>1.13</b>	<b>565</b>	<b>485</b>	<b>1.31</b>	<b>1.13</b>
3.92	558	629	1.29	1.46	1,123	1,114	2.60	2.59
3.84	404	419	0.93	0.97	1,527	1,533	3.54	3.56
3.83	309	414	0.71	0.96	1,836	1,947	4.25	4.53
<b>3.75</b>	<b>818</b>	<b>894</b>	<b>1.89</b>	<b>2.08</b>	<b>2,654</b>	<b>2,841</b>	<b>6.14</b>	<b>6.60</b>
3.67	1,001	1,063	2.32	2.47	3,655	3,904	8.46	9.07
3.59	479	471	1.11	1.09	4,134	4,375	9.56	10.17
3.58	670	745	1.55	1.73	4,804	5,120	11.11	11.90
<b>3.50</b>	<b>1,333</b>	<b>1,288</b>	<b>3.08</b>	<b>2.99</b>	<b>6,137</b>	<b>6,408</b>	<b>14.20</b>	<b>14.89</b>
3.42	1,368	1,543	3.16	3.58	7,505	7,951	17.36	18.48
3.34	495	570	1.14	1.32	8,000	8,521	18.51	19.80
3.33	997	1,126	2.31	2.62	8,997	9,647	20.81	22.42
<b>3.25</b>	<b>1,640</b>	<b>1,734</b>	<b>3.79</b>	<b>4.03</b>	<b>10,637</b>	<b>11,381</b>	<b>24.61</b>	<b>26.44</b>
3.17	1,758	1,905	4.07	4.43	12,395	13,286	28.67	30.87
3.09	641	701	1.48	1.63	13,036	13,987	30.15	32.50
3.08	1,201	1,312	2.78	3.05	14,237	15,299	32.93	35.55
<b>3.00</b>	<b>2,026</b>	<b>2,124</b>	<b>4.69</b>	<b>4.93</b>	<b>16,263</b>	<b>17,423</b>	<b>37.62</b>	<b>40.48</b>
2.92	2,023	2,067	4.68	4.80	18,286	19,490	42.30	45.28
2.84	806	821	1.86	1.91	19,092	20,311	44.16	47.19
2.83	1,264	1,310	2.92	3.04	20,356	21,621	47.09	50.24
<b>2.75</b>	<b>2,051</b>	<b>2,131</b>	<b>4.74</b>	<b>4.95</b>	<b>22,407</b>	<b>23,752</b>	<b>51.83</b>	<b>55.19</b>
2.67	2,083	2,085	4.82	4.84	24,490	25,837	56.65	60.03
2.59	723	757	1.67	1.76	25,213	26,594	58.32	61.79
2.58	1,293	1,230	2.99	2.86	26,506	27,824	61.31	64.65
<b>2.50</b>	<b>1,937</b>	<b>1,894</b>	<b>4.48</b>	<b>4.40</b>	<b>28,443</b>	<b>29,718</b>	<b>65.79</b>	<b>69.05</b>
2.42	1,867	1,698	4.32	3.94	30,310	31,416	70.11	72.99
2.34	484	604	1.12	1.40	30,794	32,020	71.23	74.40
2.33	1,190	1,067	2.75	2.48	31,984	33,087	73.98	76.87
<b>2.25</b>	<b>1,608</b>	<b>1,455</b>	<b>3.72</b>	<b>3.38</b>	<b>33,592</b>	<b>34,542</b>	<b>77.70</b>	<b>80.26</b>
2.17	1,479	1,307	3.42	3.04	35,071	35,849	81.12	83.29
2.09	371	396	0.86	0.92	35,442	36,245	81.98	84.21
2.08	915	748	2.12	1.74	36,357	36,993	84.09	85.95
<b>2.00</b>	<b>1,046</b>	<b>993</b>	<b>2.42</b>	<b>2.31</b>	<b>37,403</b>	<b>37,986</b>	<b>86.51</b>	<b>88.26</b>
<b>Jumlah Calon</b>	<b>37,403</b>	<b>37,986</b>	<b>86.51</b>	<b>88.26</b>				
<b>Jumlah Keseluruhan Calon</b>	<b>43,235</b>	<b>43,042</b>						

## Lampiran 9

### Bilangan Calon yang Mendapat PNGK 4.00 Mengikut Aliran dan Jantina STPM 2017

PNGK	Bil. Mata Pelajaran	Aliran Sains		Aliran Sains Sosial	
		Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
4.00	5	2	3	17	30
4.00	4	55	50	76	252
<b>Jumlah</b>		<b>57</b>	<b>53</b>	<b>93</b>	<b>282</b>
<b>Keseluruhan</b>		<b>110</b>		<b>375</b>	
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>485</b>			

## Lampiran 10

### Perbandingan PNGK Calon Mengikuti Aliran STPM 2016 dan STPM 2017

Aliran	STPM 2016		STPM 2017		Beza PNGK
	Bil. Calon	PNGK	Bil. Calon	PNGK	
Sains Sosial	36,860	2.71	37,191	2.78	+0.07
Sains	6,166	2.73	5,475	2.69	-0.04
<b>Jumlah*</b>	<b>43,026</b>		<b>42,666</b>		
<b>Jumlah Calon Hadir**</b>	<b>43,235</b>	<b>2.71</b>	<b>43,042</b>	<b>2.76</b>	<b>+0.05</b>

\*Jumlah calon yang ada PNGK

\*\*Jumlah semua calon termasuk calon yang tidak mendapat PNGK

**Perbandingan PNGK Calon Bandar dan Luar Bandar dalam  
STPM 2016 dan STPM 2017**

<b>Lokasi</b>	<b>PNGK STPM 2016</b>	<b>PNGK STPM 2017</b>	<b>Beza PNGK</b>
Bandar	2.75	2.78	<b>+0.03</b>
Luar Bandar	2.66	2.75	<b>+0.09</b>
<b>Beza (Jurang)</b>	<b>0.09</b>	<b>0.03 (mengecil)</b>	

**Perbandingan Bilangan Calon Mendapat Gred A dalam Lima dan  
Empat Mata Pelajaran pada Peperiksaan STPM 2016 dan  
STPM 2017**

Bilangan Mata Pelajaran yang Diambil	Bilangan Gred A yang Diperoleh	Bilangan Calon			
		STPM 2016 (Jumlah hadir 43,235)		STPM 2017 (Jumlah hadir 43,042)	
		Bil.	%	Bil.	%
Lima	5A	11	0.03	19	0.04
Lima	4A	47***	0.11	68***	0.16
Empat	4A	517	1.20	434	1.01
<b>Jumlah</b>		<b>575</b>	<b>1.33</b>	<b>521</b>	<b>1.21</b>

**Perbandingan Bilangan dan Peratusan Calon Sekolah Kerajaan, Sekolah Swasta, dan Calon Persendirian Individu Yang mendapat Lulus Penuh dalam 5 hingga 4 Mata Pelajaran Dalam Peperiksaan STPM 2015, STPM 2016 dan STPM 2017**

Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2015		STPM 2016		STPM 2017	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
<b>CALON SEKOLAH KERAJAAN</b>						
5 mata pelajaran	1,515	3.65	1,812	4.23	1,921	4.50
4 mata pelajaran	27,300	65.71	29,080	67.87	28,925	67.75
3 mata pelajaran	6,492	15.63	6,360	14.84	6,655	15.59
2 mata pelajaran	3,268	7.87	3,109	7.26	2,981	6.98
1 mata pelajaran	2,054	4.94	1,859	4.34	1,712	4.01
<b>Jumlah</b>	<b>40,629</b>	<b>97.8</b>	<b>42,220</b>	<b>98.54</b>	<b>42,194</b>	<b>98.83</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>41,544</b>	<b>100.00</b>	<b>42,845</b>	<b>100.00</b>	<b>42,694</b>	<b>100.00</b>
Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2015		STPM 2016		STPM 2017	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
<b>CALON SEKOLAH SWASTA</b>						
5 mata pelajaran	2	0.66	0	0.00	0	0.00
4 mata pelajaran	191	63.04	179	64.86	142	69.61
3 mata pelajaran	32	10.56	31	11.23	20	9.80
2 mata pelajaran	32	10.56	26	9.42	18	8.82
1 mata pelajaran	20	6.60	20	7.25	14	6.86
<b>Jumlah</b>	<b>277</b>	<b>91.42</b>	<b>256</b>	<b>92.75</b>	<b>194</b>	<b>95.10</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>303</b>	<b>100.00</b>	<b>276</b>	<b>100.00</b>	<b>204</b>	<b>100.00</b>
Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2015		STPM 2016		STPM 2017	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
<b>CALON PERSENDIRIAN INDIVIDU</b>						
5 mata pelajaran	1	0.71	1	0.88	0	0.00
4 mata pelajaran	19	13.57	7	6.14	10	7.35
3 mata pelajaran	14	10.00	11	9.65	15	11.03
2 mata pelajaran	11	7.86	16	14.04	16	11.76
1 mata pelajaran	44	31.43	35	30.70	54	39.71
<b>Jumlah</b>	<b>89</b>	<b>63.57</b>	<b>70</b>	<b>61.40</b>	<b>95</b>	<b>69.85</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>140</b>	<b>100.00</b>	<b>114</b>	<b>100.00</b>	<b>136</b>	<b>100.00</b>

## Lampiran 13

Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2015		STPM 2016		STPM 2017	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
<b>CALON SEKOLAH KERAJAAN NEGERI</b>						
5 mata pelajaran	0	0	0	0	0	0.00
4 mata pelajaran	0	0	0	0	4	50.00
3 mata pelajaran	0	0	0	0	1	12.50
2 mata pelajaran	0	0	0	0	2	25.00
1 mata pelajaran	0	0	0	0	1	12.50
<b>Jumlah</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>8</b>	<b>100.00</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>8</b>	<b>100.00</b>



## Perbandingan Peratus Lulus Penuh Mata Pelajaran STPM 2016 dan STPM 2017

Kod Mata Pelajaran	Mata Pelajaran	Peratusan Lulus Penuh		Beza Peratusan
		2016	2017	
900	Pengajian Am	90.95	91.07	+0.12
910	Bahasa Melayu	90.72	93.04	+2.32
911	Bahasa Cina	84.51	87.40	+2.89
912	Bahasa Tamil	80.91	81.54	+0.63
913	Bahasa Arab	69.10	73.90	+4.80
920	Literature in English	83.58	86.89	+3.31
922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	88.52	87.44	-1.08
930	Syariah	93.32	92.43	-0.89
931	Usuluddin	92.69	89.89	-2.80
940	Sejarah	88.25	92.34	+4.09
942	Geografi	85.30	89.98	+4.68
944	Ekonomi	76.99	76.29	-0.70
946	Pengajian Perniagaan	85.58	80.78	-4.80
948	Perakaunan	88.11	86.44	-1.67
950	Mathematics M	75.42	73.83	-1.59
954	Mathematics T	74.29	72.61	-1.68
958	Information and Communications Technology	90.68	89.47	-1.21
960	Physics	79.28	76.10	-3.18
962	Chemistry	84.58	82.94	-1.64
964	Biology	79.05	77.12	-1.93
966	Sains Sukan	97.30	97.94	+0.64
970	Seni Visual	97.42	97.37	-0.05

## Lampiran 15

### Bilangan dan Peratusan Calon STPM 2017 yang Mendapat Gred A Mengikut Mata Pelajaran

Kod Mata Pelajaran	Mata Pelajaran	Bilangan Hadir	Bilangan Mendapat A	Peratusan Mendapat A
900	Pengajian Am	42,980	2,030	4.72
910	Bahasa Melayu	27,217	4,183	15.37
911	Bahasa Cina	262	50	19.08
912	Bahasa Tamil	390	34	8.72
913	Bahasa Arab	1,743	126	7.23
920	Literature in English	61	6	9.84
922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	5,088	510	10.02
930	Syariah	2,271	244	10.74
931	Usuluddin	1,108	98	8.84
940	Sejarah	22,031	1,947	8.84
942	Geografi	11,602	1,294	11.15
944	Ekonomi	14,056	1,945	13.84
946	Pengajian Perniagaan	16,549	1,239	7.49
948	Perakaunan	2,382	229	9.61
950	Mathematics M	879	61	6.94
954	Mathematics T	5,480	583	10.64
958	Information and Communications Technology	570	93	16.32
960	Physics	2,527	252	9.97
962	Chemistry	5,358	345	6.44
964	Biology	2,963	187	6.31
966	Sains Sukan	2,619	297	11.34
970	Seni Visual	6,811	1,261	18.51

Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM

**Penetapan Standard (Jawatankuasa Pensijilan STPM)**

1. Pelaksanaan semenjak STPM 1982

2. Pemantauan berterusan. Jawatankuasa Pensijilan Majlis bersidang

3. Pentaksiran jitu

4. Konsultan dari Bahagian Standard Cambridge Assessment International Education, UK

Cambridge International Examinations, England (CA)

Majlis Peperiksaan Malaysia

Mr. Mark Dowling

Mrs. Diane Palmer

Menjana Pentaksiran Jitu

PENGIRAAN  
**MERIT**



UPJ  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BOARDS  
PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR  
KE UJ, POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI DAN ILKA  
LEPASAN SPM/SETARAF • LEPASAN DEPRAS/DEPTARAF

PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN  
**STPM/  
SETARAF**

**PNGK**

**STPM**

PNGK dihitung dengan mengambil kira purata nilai gred empat (4) mata pelajaran terbaik termasuk Pengajian Am.



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2005

KELAYAKAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA  
MENGUNAKAN NILAI GRED MATA PELAJARAN  
BAGI MAKSUD PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM

SYARAT LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM DI PERINGKAT  
STPM MENGGUNAKAN NILAI GRED MATA PELAJARAN

4. Calon-calon yang memiliki Sijil STPM menggunakan NGMP boleh dilantik ke skim-skim perkhidmatan awam berdasarkan tahap kelulusan berikut:

- 4.1 lulus sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran atas Gred C dengan NGMP 2.00 dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM;

atau

- 4.2 lulus 2 mata pelajaran dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM dengan syarat kedua-dua mata pelajaran yang lulus itu mestilah sekurang-kurangnya mendapat:

2

- (a) Gred B dan B (NGMP 3.00 dan 3.00); atau  
(b) Gred B+ dan B- (NGMP 3.33 dan 2.67); atau  
(c) Gred A- dan C+ (NGMP 3.67 dan 2.33); atau  
(d) Gred A dan C (NGMP 4.00 dan 2.00).

atau

- 4.3 lulus sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran atas Gred C (NGMP 2.00) dan 2 mata pelajaran atas Gred C-, D+ atau D (NGMP 1.67, 1.33 atau 1.00) serta lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM;

atau

- 4.4 lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran yang berlainan atas Gred C (NGMP 2.00) dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam STPM yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

5. Calon-calon yang tidak memiliki keputusan seperti di perenggan 4.1, 4.2, 4.3 atau 4.4 adalah tidak layak dipertimbang untuk maksud lantikan ke jawatan-jawatan yang mensyaratkan kelulusan STPM yang menggunakan NGMP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3